



AHMAD Adha menyampaikan ceramah pada majlis itu.

40 staf UMSKAL jayakan Bicara Ilmu Zakat

UB 30.5.2019 Ag.

LABUAN: Kira-kira 40 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menghadiri ceramah Bicara Ilmu 'Zakat Memberkati Harta dan Menenangkan Hati' yang diadakan di Bilik Seminar Layangan pada Selasa.

Mereka terdiri daripada pensyarah, pegawai dan kakitangan sokongan

universiti itu.

Ceramah yang bermula jam 9.30 pagi itu disampaikan oleh Pengurus Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Labuan Ustaz Ahmad Adha Ahmad Zohdi.

Ahmad Adha berkata umat Islam perlu memaksa dan mendidik diri sendiri untuk melaksanakan fardhu solat, puasa, zakat dan membaca al-Quran.

"Pada 10 malam terakhir ini juga, kita hendaklah memaksa diri untuk mengimarahkan masjid dan surau bagi menunaikan solat Tarawih untuk mendapatkan malam Lailatul Qadar," katanya.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah serta Ketua Sektor Hal Ehwal Islam dan Masjid (HEIM) Ustaz Khairul Isham Abdul latif.